

PERSEPSI PELAJAR SPI TERHADAP BUKU-BUKU RUJUKAN ISLAM DI PERPUSTAKAAN SULTANAH ZANARIAH, UTM, SKUDAI

Tamar Jayan Bin Nizar & Noor Azalea Binti Mohd Rasidi
Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia

ABSTRAK: Koleksi bahan yang disediakan di perpustakaan sangat penting dalam proses pembelajaran mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk meninjau persepsi pelajar Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam) terhadap buku rujukan Islam di Perpustakaan Sultanah Zanariah. Seramai 84 responden dalam kalangan pelajar SPI tahun 3 dan 4 di UTM Skudai terlibat dalam kajian ini. Kaedah soal selidik telah digunakan untuk mengukur persepsi pelajar ke atas ketiga-tiga aspek yang dikaji. Soal selidik bagi kajian ini adalah menggunakan skala Likert yang mengandungi 30 item soalan. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan Statistical Packages For Social Sciences Windows (SPSS) Versi 14.0. Hasil kajian rintis menunjukkan nilai Cronbach's Alpha 0.747. Dapatan kajian menunjukkan persepsi pelajar SPI terhadap perkhidmatan di perpustakaan berada pada tahap yang tinggi iaitu dengan nilai min 3.54, diikuti dengan persepsi pelajar SPI terhadap buku-buku rujukan Islam di perpustakaan berada pada tahap yang tinggi iaitu dengan nilai min 3.51 dan apakah masalah yang dihadapi ketika mendapatkan bahan di perpustakaan berada pada tahap sederhana iaitu dengan nilai min 3.45. Di akhir kajian, penyelidik mengemukakan beberapa cadangan kepada pihak tertentu untuk diberi perhatian terhadap masalah yang dikaji. Kajian lanjutan juga turut dicadangkan untuk penyelidikan pada masa akan datang.

ABSTRACT: Library collection is important to fulfill the students learning needs in higher learning institution. Therefore, this research was carried out to investigate the perception of Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam), SPI students towards the Islamic references book provided by PSZ. For this particular study, 84 respondents of 3 and 4th year SPI students, UTM Skudai were involved in this study. Questionnaire methods were utilised to evaluate the perception level of students in all three aspects that were being studied. The instrument consist of 30 items of Likert Scale. The *Statistical Packages For Social Sciences Windows* (SPSS) for windows version 14.0 (SPSS version 14.0) software was used in order to analyze the data obtained. Realibility value of the instrument was 0.747. From the findings the perception of SPI students towards library services is at high with mean value at 3.54, followed by perception of SPI students towards Islamic references book provided in PSZ is at high with mean 3.51 and the students problems to get the library collection in PSZ were the medium mean which was 3.45. At the end of the study, the researcher had proposed several suggestions to the related parties to ensure full attention was paid towards the studied problems. Suggestions for further research were also been proposed for further research in the future.

Katakunci: Statistical Packages For Social Sciences Windows (SPSS), Cronbach's Alpha

PENGENALAN

Ilmu pengetahuan merupakan satu alat yang paling berkesan dalam membentuk sesebuah masyarakat. Tidak ada masyarakat yang berjaya dan maju tanpa adanya ilmu pengetahuan. Islam telah meletakkan ilmu pengetahuan sebagai asas pembangunan dan menitikberatkan penganutnya sentiasa mengkaji, meneliti, menyelidik, meneroka segala ilmu dan maklumat demi manfaat kehidupan. Kecemerlangan ummah serta pembinaan tamadun sesuatu bangsa adalah bergantung kepada sejauh mana penguasaan ilmu pengetahuan yang dicapai oleh bangsa itu. Firman Allah dalam Al-Quran :

دَرَجَاتٍ لَّيْلِيًّا مَّا يُؤْتُوا الَّذِينَ يُؤْتُونَكَ مِمَّا آتَوْا الَّذِينَ آتَوْا قَع

Maksudnya: “Allah telah meninggikan darjat orang-orang beriman di antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) beberapa darjat.”

(Surah al-Mujadalah:38)

Berdasarkan ayat di atas jelas membuktikan bahawa orang yang berilmu akan mendapat penilaian yang tinggi dan mulia samada pada pandangan masyarakat atau agama. Oleh itu, setiap orang hendaklah berusaha mempelajari ilmu pengetahuan dan memanfaatkannya.

Pernyataan Masalah

Penggunaan Perpustakaan Sultanah Zanariah (PSZ) secara konsisten dapat memberikan sumbangan kepada pencapaian dan perolehan pengetahuan oleh pelajar seterusnya membentuk masyarakat berbudaya ilmu. Pelajar Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam), SPI perlu menguasai beberapa kemahiran asas semasa proses pencarian bahan dari koleksi bahan di PSZ. Namun demikian, kadang kala kedengaran rungutan dari pelajar SPI sendiri terhadap kekurangan buku rujukan terkini, akses maklumat yang sukar dicapai, bahan lapuk dan sebagainya. Oleh yang demikian kajian yang akan pengkaji jalankan ialah “Apakah Persepsi Pelajar SPI Terhadap Buku- Buku Rujukan Islam di PSZ, UTM Skudai”.

Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa objektif yang ingin dicapai oleh penyelidik. Objektif tersebut adalah :

- 1 Mengenalpasti persepsi pelajar SPI terhadap perkhidmatan di perpustakaan.
- 2 Mengenalpasti persepsi pelajar SPI terhadap buku-buku rujukan Islam di perpustakaan.
- 3 Mengenalpasti masalah yang di hadapi ketika mendapatkan buku rujukan di perpustakaan.

Kepentingan Kajian

Penyelidik melihat kajian ini perlu dilakukan untuk kepentingan bersama antara pihak pentadbiran UTM, Pentadbiran PSZ, Pengarah Pusat Pembangunan Insan dan Pembangunan Sosial (PPIPS), pensyarah dan juga pelajar-pelajar. Antara kepentingan tersebut adalah seperti berikut :

1. Kajian ini diharapkan dapat membantu pihak Perpustakaan Sultanah Zanariah (PSZ) menyediakan bahan rujukan Islam yang pelbagai dan bersesuaian dengan matapelajaran Pengajian Islam yang ditawarkan kepada pelajar-pelajar Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam), SPI.
2. Dapatan daripada kajian ini diharapkan mampu memberikan pendedahan terkini kepada PSZ dalam menyediakan buku-buku rujukan Islam yang relevan dengan keperluan proses pengajaran dan pembelajaran di Universiti Teknologi Malaysia (UTM).
3. Kajian ini juga dilakukan untuk memberi ruang kepada pihak fakulti untuk meningkatkan kerjasama bagi menyediakan bahan rujukan Islam yang menepati kurikulum Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam),SPI.
4. Kajian ini juga diharapkan dapat membantu (PSZ) dan Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial (PPIPS) dalam menangani masalah berterusan yang timbul berkaitan dengan matapelajaran Pengajian Islam terutama dari sudut pencarian buku rujukan Islam di kalangan pelajar Sarjana Muda Sains Serta

Pendidikan (Pengajian Islam),SPI.

Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor. Kajian hanya tertumpu kepada pelajar-pelajar tahun 3 dan 4 Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam), SPI. Dalam kajian ini, kebolehpercayaan data yang dikumpulkan bergantung kepada jawapan pelajar-pelajar tahun 3 dan 4 SPI sebagai responden semasa menjawab soalan soal selidik yang diedarkan. Penyelidik memberikan setiap set soal selidik kepada pelajar SPI sebagai responden kajian. Segala penemuan dan hasil kajian adalah terbatas kepada populasi kajian yang dikaji oleh penyelidik.

METODOLOGI

Populasi dan Sampel Kajian

Menurut Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999: 37), populasi kajian adalah terdiri daripada semua ahli dalam kelompok kajian. Populasi bagi kajian ini ialah pelajar tahun 3 dan 4 kursus Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam), UTM Skudai. Responden dalam kajian ini melibatkan semua populasi yang terdiri daripada pelajar tahun 3 dan 4 SPI iaitu seramai 88 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar lelaki dan perempuan. Keseluruhan populasi menjadi sampel dalam kajian dan diberikan setiap seorang satu set borang soal selidik. Walaubagaimanapun, daripada 88 orang tersebut hanya 84 sahaja yang mengembalikan set soal selidik. Penyelidik memilih kesemua populasi yang ada dengan rasional ia mampu memberikan gambaran keadaan yang sebenar yang wujud bagi mewakili populasi yang berada di tahun lain.

Instrumen Kajian

Dalam melaksanakan kajian ini, penyelidik telah menyediakan satu set borang soal selidik (*questionnaire survey method*) yang digunakan sebagai instrumen kajian. Menurut Mohd. Majid Konting (2005:202), soal selidik merupakan alat ukur yang digunakan dalam penyelidikan pendidikan. Soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat yang tepat berkenaan fakta-fakta seperti kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya.

Soal selidik ini diedarkan setiap satu kepada pelajar-pelajar tahun 3 dan 4 Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam). Bagi mendapatkan maklumbalas, penyelidik menyerahkan dan mengumpulkan sendiri set soal selidik tersebut. Borang soal selidik tersebut dibahagikan kepada empat bahagian iaitu A, B, C dan D.

Bahagian A adalah mengenai demografi atau latar belakang responden. Manakala bahagian B, C dan D pula mengandungi jumlah kesemua soalan yang perlu dijawab oleh responden iaitu merangkumi 30 item bagi menjawab ketiga-tiga persoalan kajian. Berikut adalah item-item bagi setiap bahagian:-

i. Bahagian A

Bahagian A set soal selidik mengandungi item yang berkaitan dengan latar belakang responden. Aspek-aspek yang akan disoal dalam bahagian ini ialah jantina, umur, tahun pengajian, latar belakang pendidikan dan keperluan terhadap perpustakaan. Pada bahagian ini responden diminta menandakan satu jawapan pilihan yang diberi.

ii. Bahagian B

Bahagian B pula mengandungi 10 item berkaitan dengan apakah persepsi pelajar SPI terhadap perkhidmatan di perpustakaan.

iii. Bahagian C

Bahagian C pula mengandungi 10 item mengenai apakah persepsi pelajar SPI terhadap buku-buku rujukan Islam di perpustakaan.

iv. Bahagian D

Bahagian D mengandungi 10 item mengenai apakah masalah yang dihadapi ketika mendapatkan bahan di perpustakaan. Dalam bahagian B, C dan D soalan soal selidik, penyelidik menggunakan skala Likert. Responden dikehendaki menandakan jawapan mengenai sesuatu kenyataan berdasarkan satu skala dari satu ekstrem yang lain (Mohd Najib Abdul Ghafar, 1999 : 97).

Penyelidik menggunakan soal selidik yang bersifat positif yang bertujuan untuk mengalakkan responden memberi maklum balas yang dikehendaki dalam pemilihan jawapan skala Likert yang menjadi pengukur untuk menjelaskan setiap skor yang diperolehi daripada item-item yang terbabit.

Data-data sekunder yang sesuai amat diperlukan bagi mendapatkan maklumat tertentu dan sekaligus dapat menyokong kajian yang dijalankan ini. Data-data ini diperolehi melalui:

- i. Buku-buku, laporan kajian dan penyelidikan bertulis di Perpustakaan Sultanah Zanariah (PSZ), UTM.
- ii. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Kuala Lumpur.
- iii. Buku-buku, latihan ilmiah dan kertas kerja di Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- iv. Buku-buku dan kertas projek (tesis dan disterasi) di Perpustakaan Utama, Universiti Malaya.
- v. Surat khabar dan artikel majalah
- vi. Internet.

Kajian Rintis

Penyelidik telah membuat kajian rintis sebelum kajian sebenar dijalankan ke atas responden. Tujuan kajian rintis dijalankan adalah untuk memberi peluang kepada penyelidik menentukan ciri-ciri soalan yang perlu diubahsuai atau dikekalkan seterusnya menguji kesahan item. Menurut Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999:186), kajian rintis digunakan sebagai teknik untuk menguji kesahan isi.

Penyelidik telah membuat kajian rintis kepada 10 orang responden. Responden adalah terdiri daripada pelajar-pelajar tahun 1 dan 2 SPI. Bagi mencari nilai *Alpha Cronbach*, pekali kebolehpercayaan bagi kajian rintis ini adalah ditentukan dengan menggunakan perisian computer "*Statistical Package For Social Science*" (SPSS) versi 14.0. Berdasarkan analisis yang dibuat, *alpha* yang diperolehi dari kajian rintis ini ialah 0.747.

PERBINCANGAN

Maklumat Latar Belakang Responden

Maklumat latar belakang yang pertama ialah jantina. Berdasarkan hasil kajian yang dijalankan, taburan responden yang paling ramai ialah responden perempuan iaitu 66.7%. Diikuti dengan jumlah taburan responden lelaki iaitu 33.3%. Analisis seterusnya adalah berkaitan dengan umur responden. Majoriti responden adalah berumur di antara 23 hingga 25 tahun iaitu 53.6% diikuti dengan responden yang berumur 21 hingga 23 tahun seramai 34.5% dan selebihnya adalah responden yang berumur melebihi 25 tahun iaitu 11.9% .

Jika dilihat pada item seterusnya adalah maklumat mengenai tahun pengajian responden. Berdasarkan dapatan kajian, jumlah terbesar responden adalah terdiri daripada pelajar tahun 4 dengan jumlah 48 orang iaitu 57.1% manakala selebihnya adalah merupakan pelajar tahun 3 seramai 36 orang iaitu 42.9%.

Analisis responden mengikut latar belakang pendidikan yang dimiliki oleh responden, kajian menunjukkan sebahagian besar responden berkelulusan di peringkat STPM atau STAM dengan 73.8% iaitu seramai 62 orang. Diikuti dengan berkelulusan Diploma iaitu 26.2%. bersamaan 22 orang. Dapatan ini menunjukkan bahawa semua pelajar SPI merupakan pelajar yang mempunyai asas dalam bidang pengajian Islam.

Di nilai dari sudut keperluan terhadap perpustakaan, seramai 70 orang responden iaitu 83.3% menyatakan sangat perlu terhadap perpustakaan. Manakala hanya 14 responden iaitu 16.7% yang menyatakan perlu terhadap perpustakaan. Ini menunjukkan bahawa keperluan terhadap perpustakaan adalah sangat perlu bukan sahaja untuk kegunaan pelajar tetapi juga untuk kegunaan masyarakat.

Persepsi Pelajar SPI Terhadap Perkhidmatan di Perpustakaan

Berdasarkan dapatan kajian yang telah dijalankan, penyelidik mendapati seramai 96.4% responden bersetuju dengan item 1 iaitu responden selesa berkunjung ke perpustakaan untuk mendapatkan maklumat. Persekitaran yang baik dan selesa memberi kesan kepada pengguna dan sekaligus dapat menarik minat mereka untuk menggunakan perkhidmatan perpustakaan. Ciri-ciri tersebut terdapat juga di PSZ. Ini bertepatan dengan hasil kajian yang dijalankan oleh PSZ mendapati bahawa 85% responden sangat bersetuju suasana di PSZ sangat selesa untuk proses pembelajaran (<http://portal.psz.utm.my>).

Ini bertepatan dengan kajian yang dijalankan ke atas pengguna Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia mendapati bahawa responden merasakan mereka dapat memberi tumpuan kepada tugasannya kerana wujud suasana dan persekitaran yang selesa dan menggalakkan (Aripah Mohamed, 1997:8). Menurut kajian Dewe (1987:46), ruang bacaan dan keselesaan pengunjung menggunakan perpustakaan juga turut memainkan peranan penting untuk menarik minat pembaca mengunjungi perpustakaan. Pembukaan ruang yang sesuai mengikut ketentuan yang bersistem dan persekitaran yang selesa akan mewujudkan perasaan ingin menggunakannya selalu.

Bagi dapatan item 2, sebanyak 41.7% responden bersetuju bahawa responden mudah mendapatkan buku-buku yang responden perlukan di PSZ untuk tugas. Koleksi bahan yang tersusun rapi akan memudahkan pengguna untuk mencari buku yang dikehendaki dan ini akan menggalakkan pelajar untuk terus merujuk bahan-bahan ilmiah yang terdapat di perpustakaan. Ini bersesuaian dengan pendapat Ramli Abdul Samad yang menyatakan sesebuah perpustakaan akademik itu mestilah mempunyai sumber-sumber yang lengkap dan bahan-bahan yang tersusun rapi supaya pencarian bahan tidak menjadi suatu masalah, malah dapat pula menjimatkan masa (Ramli Abdul Samad 1994 :29)

Item 3 menunjukkan sebanyak 39.3% responden bersetuju bahawa mereka kerap ke PSZ walaupun tidak ada tugas. Ini dipengaruhi oleh beberapa faktor antaranya jarak kolej dan PSZ tidak jauh dan membolehkan mereka sering berulang alik ke PSZ dengan mudah. Berbeza dengan pelajar yang tinggal di kolej jauh yang mana memerlukan mereka untuk menunggu bas untuk ke perpustakaan. Selain itu, jadual pelajar yang tidak padat dan sibuk membolehkan mereka mengunjungi perpustakaan.

Seterusnya bagi item 4, mencatat peratus sebanyak 13.1% sahaja yang bersetuju bahawa responden suka mencari buku rujukan Islam di PSZ kerana kemudahan yang terkini. Kekurangan kemudahan yang terkini mungkin disebabkan oleh kekurangan peruntukkan dan mungkin juga PSZ terpaksa memberi keutamaan kepada perkaraperkara lain yang dirasakan perlu untuk kegunaan pelajar. Ini bersesuaian dengan pendapat Aripah Mohamed (1997:5) kemudahan yang cukup, terkini dan berfungsi sangat penting disediakan bagi

memudahkan pengguna menjalankan proses rujukan, pembelajaran dan penyelidikan. Kekurangan kemudahan bukan sahaja membantutkan usaha tetapi juga menimbulkan kehampaan kepada pengguna

Hasil kajian ini bertepatan dengan Laporan Program PSZ bersama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UTM, antara cadangan dan komen yang diterima adalah koleksi buku di PSZ tidak “*update*” (<http://portal.psz.utm.my>).

Manakala bagi item 5 adalah pernyataan tentang responden mengunjungi PSZ untuk menemui rakan di mana keputusan peratusannya ialah 22.6% sahaja yang bersetuju dengan pernyataan tersebut. Manakala bagi item 7, sebanyak 60.7% bersetuju bahawa responden banyak menggunakan buku-buku di PSZ untuk kegiatan membaca atau merujuk. Ini menunjukkan bahawa pelajar SPI berkunjung ke perpustakaan untuk mendapatkan maklumat untuk tujuan tugas mahupun pembacaan. Item ini bertepatan dengan kajian yang dijalankan oleh PSZ. bahawa pelajar lebih cenderung mengunjungi perpustakaan untuk mentelaah pelajaran, membaca surat khabar dan majalah, menggunakan perpustakaan dengan tujuan berjumpa kawan dan meminjam buku. (<http://portal.psz.utm.my>).

Bagi item 6 dan item 9 pula, menunjukkan maklum balas yang positif iaitu mengenai pernyataan bahawa responden mempunyai hubungan yang baik dengan pegawai PSZ dan responden tidak ada masalah bertanya kepada pustakawan tentang sebarang masalah. Hasil dapatan kajian iaitu 48.8% dan 65.5%. Sikap mesra, layanan yang baik dan kesediaan membantu yang diberikan oleh pustakawan memudahkan memudahkan pengguna untuk bertanyakan sebarang masalah. Ini bersesuaian dengan Kaji selidik Indeks Kepuasan Pelanggan PSZ 2008 mencatatkan bahawa 91% responden bersetuju bahawa staf PSZ bersikap professional dan bersedia membantu pengguna apabila diperlukan (<http://portal.psz.utm.my>).

Ini bersesuaian dengan hasil kajian Aripah Mohamed (1997:5) mendapati bahawa pustakawan atau pegawai PSZ berperanan sebagai penghubung yang menghubungkan isi kandungan daripada berbagai sumber supaya dapat memberi maklumat asas yang boleh digunakan untuk mencipta maklumat baru yang diperlukandalam persekitaran akademik (1997:5). Hasil kajian yang dijalankan mendapati bahawa pengguna memerlukan bantuan daripada pustakawan atau kakitangan perpustakaan untuk menggunakan sumber maklumat, perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan secara lebih efektif (Fidzani B.T, 1998:329)

Seterusnya dalam item 8 yang menyatakan bahawa responden sentiasa mengembalikan buku-buku yang dipinjam sebelum habis tempoh iaitu mencatat peratus sebanyak 65.4% bersetuju dengan kenyataan ini. Hasil dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar SPI mempunyai tahap disiplin dan tanggungjawab yang tinggi untuk mengembalikan semula buku-buku yang telah dipinjam. Ini akan memudahkan pengguna-pengguna lain untuk menggunakan buku-buku tersebut untuk tujuan rujukan.

Analisis item 10 menunjukkan maklum balas yang positif iaitu mengenai pernyataan bahawa responden mendapat banyak manfaat dari PSZ terutama dalam pembelajaran di UTM. Hasil dapatan kajian adalah sebanyak 94.0%. Melalui karya Faridah dan T. Subahan (1994), penggunaan bahan-bahan di perpustakaan dapat membantu pelajar meluaskan pandangan serta menguatkan nilai dalam diri mereka. Melalui pembacaan buku-buku bacaan tambahan serta aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran melalui perpustakaan, nilai-nilai murni dapat disemai dalam diri.

Secara kesimpulannya, min keseluruhan yang diperolehi iaitu sebanyak 3.54 yang berada di tahap yang tinggi iaitu 3.50 hingga 5.00 sebagaimana telah dinyatakan dalam jadual 4.40 yang menunjukkan apakah persepsi pelajar SPI terhadap perkhidmatan di perpustakaan. Oleh itu, dari segi persepsi pelajar SPI mengenai perkhidmatan di PSZ adalah sangat positif terhadap perpustakaan. Mereka berasa sangat selesa berada di ruang perpustakaan, tidak mempunyai sebarang masalah dengan pegawai PSZ perkhidmatan PSZ dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh pelajar.

Persepsi Pelajar SPI terhadap buku rujukan Islam di perpustakaan

Berdasarkan keputusan analisis yang diperolehi, item 11 iaitu responden mudah mendapatkan buku rujukan Islam di PSZ apabila diperlukan iaitu mencatat peratus sebanyak 38.1% bersetuju dengan pernyataan ini. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa buku rujukan Islam yang terdapat di PSZ sangat kurang. Kekurangan ini menyebabkan buku rujukan Islam tidak mudah diperolehi. Aripah Mohamed (1997:10) menyatakan bahawa kemudahan yang cukup, terkini dan berfungsi sangat penting bagi memudahkan pengguna menjalankan proses rujukan, pembelajaran dan penyelidikan.

Selain daripada itu Whittaker Kenneth (1972:19), menyatakan bahawa mereka yang tidak menggunakan perpustakaan kerana mereka mendapati buku yang mereka kehendaki sukar ditemui dan ini menghalang mereka dari terus menggunakan perpustakaan.

Seterusnya item 12 menyatakan bahawa responden bersetuju bahawa buku-buku rujukan Islam ditulis oleh ulama' mukhtabar. Ia mencatatkan peratusan majoriti 100%. Ini tidak dapat disangkal lagi kerana pada zaman dahulu menyaksikan buku-buku Islam ini dikarang oleh tokoh-tokoh ulama' yang di segani seperti Sayyid Qutb, Hassan Al- Bana, Abu Ala Al-Maududi dan ramai lagi. Penulisan ilmiah ulama' mukhtabar ini akan mengukuhkan kesahihan ilmu-ilmu yang terdapat di dalam buku tersebut.

Analisis kepada item 13 dan 14, iaitu mengenai buku-buku rujukan Islam yang disediakan di PSZ adalah terkini dan memenuhi keperluan dan pendapat responden bahawa buku rujukan Islam di PSZ menepati pencarian dalam bidang Pengajian Islam. Kedua-dua item tersebut masing-masing mencatatkan peratus 22.7% dan 25.0%. bersetuju dengan pernyataan di atas. Kekurangan bahan ini mungkin disebabkan pihak PSZ tidak mempunyai peruntukan yang besar untuk membeli buku-buku baru dan pihak PSZ tidak mengetahui senarai buku-buku pengajian Islam yang relevan dengan pembelajaran pelajar SPI.

Ini bertepatan dengan kenyataan Nurlela dan Maksum (2004:30) yang mana perpustakaan perlu mengambil berat terhadap aspek keterkinian untuk menyediakan perkhidmatan bersesuaian dengan keperluan semasa pengguna. Hal ini juga bertepatan dengan standard asas sesebuah Instusi Pengajian Tinggi (IPT) iaitu menyediakan perpustakaan bahan rujukan yang terkini.

Dapatan berikutnya adalah item 15 iaitu berkaitan perisian dalam bidang Pendidikan Islam boleh didapati dalam koleksi Multimedia adalah sebanyak 28.6%. Peratusan ini masih berada pada tahap yang rendah. Kekurangan perisian Pendidikan Islam mungkin disebabkan persepsi masyarakat bahawa Pendidikan Islam hanya boleh dipelajari dengan menggunakan buku sahaja dan mereka tidak memerlukan teknologi yang canggih dan terkini. Namun demikian, pada hari ini perisian dalam bidang Pendidikan Islam boleh mempercepatkan lagi kefahaman pelajar tentang sesuatu perkara.

Seterusnya, bagi item 16 dan 17 mencatatkan peratusan 63.1% dan 70.2%. bersetuju bahawa rujukan Islam meliputi semua bidang ilmu Islam seperti Hadis, Tafsir dan Fiqh dan rujukan Islam merangkumi pelbagai disiplin ilmu seperti ekonomi, politik dan sains. Kesemua bidang di atas terdapat pada koleksi perpustakaan. Shahrarom TM Sulaiman (1997:1) dalam seminar yang beliau sampaikan menyatakan bahawa didapati jumlah penerbitan buku-buku Islam terdapat hampir dalam keseluruhan disiplin keilmuan Islam seperti Al-Quran dan Hadis, Syariah, Fiqah, Ibadah, Tauhid, Tasawuf, Pendidikan Islam, Sejarah, Politik Islam dan ekonomi Islam.

Bagi item 18, dapatan analisis menunjukkan 63.1% bersetuju berpendapat bahawa buku rujukan yang terdapat di PSZ sangat berkait rapat dengan pembelajaran di kelas. Pelajar SPI perlu mendapatkan maklumat lanjut sebagai tambahan nota kuliah yang terdapat di kelas mahupun untuk tujuan tugasan. Ini sekaligus dapat meningkatkan lagi kefahaman kepada pelajar terhadap subjek yang dipelajari. Ini dikuatkan lagi melalui pernyataan bahawa pemilihan bahan-bahan yang sesuai dengan cita rasa pelanggan

dan dapat memenuhi keperluan maklumat mereka, maka perpustakaan tersebut akan dikunjungi ramai (Irma Indayu Omar dan Yushiana Mansor, 2005:107).

Antara beberapa faktor yang mempengaruhi persepsi pengguna terhadap keberkesanan perpustakaan adalah seperti kesesuaian koleksi bahan, kepuasan pengguna, keperluan pengguna dan sebagainya (Cullen dan Calvert, 1996:115).

Justeru itu, perpustakaan memainkan peranan sebagai pemberi perkhidmatan kepada pelajar untuk menjalankan kegiatan untuk mencapai tahap pendidikan berkualiti bagi melahirkan pelajar yang cemerlang dan berketrampilan (<http://portal.psz.utm.my>).

Dapatan berikutnya adalah item 19 mencatatkan peratus sebanyak 98.8% bersetuju bahawa buku rujukan Islam terdiri daripada pelbagai bahasa. Kepelembagaan bahasa adalah penting kerana buku rujukan Islam bukan sahaja digunakan oleh pelajar Muslim tetapi juga diguna pakai oleh pelajar bangsa lain. Pernyataan ini berkait dengan item 20 yang menyatakan bahawa buku-buku rujukan Islam turut digunapakai oleh pelajar-pelajar dari program atau fakulti lain.

Menurut Shahrarom TM Sulaiman minat dan perhatian para pembaca muslim yang semakin beragam atau setidak-tidaknya dipihak penerbit cuba mengisi kehendak atau permintaan pembaca terhadap kepelembagaan tersebut (Shahrarom TM Sulaiman, 1997:2)

Secara kesimpulannya, min keseluruhan yang diperolehi ialah 3.51 yang berada di bawah skala sederhana iaitu di antara 3.50 hingga 5.00 sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam jadual 4.41 yang menunjukkan persepsi pelajar SPI terhadap buku rujukan Islam di perpustakaan adalah pelbagai. Terdapat beberapa aspek yang mereka bersetuju antaranya seperti buku rujukan Islam terdiri daripada pelbagai disiplin ilmu, terdiri daripada pelbagai bahasa dan rujukan Islam turut digunapakai oleh pelajar daripada fakulti atau program lain di UTM. Tetapi terdapat juga aspek yang tidak disetujui oleh pelajar antaranya pelajar mudah mendapatkan bahan rujukan Islam di PSZ, bahan rujukan Islam di PSZ menepati pencarian mereka dalam bidang Pengajian Islam dan perisian dalam bidang Pendidikan Islam boleh di dapati dalam koleksi multimedia.

Masalah Yang Dihadapi Ketika Mendapatkan Bahan di Perpustakaan

Berdasarkan analisis item 21 dan 22, tempoh peminjaman buku yang diberikan tidak mencukupi dan kadar denda yang dikenakan adalah tinggi masing-masing mencatatkan peratusan sebanyak 39.3% dan 44.1% bersetuju dengan pernyataan di atas. Ini bererti sebahagian besar pelajar SPI tidak mempertikaikan kedua-dua item tersebut. Maka ia adalah memadai.

Bagi item 23 mencatatkan peratus majoriti 100% bersetuju buku-buku rujukan Islam kurang dan perlu ditambah. Hasil dapatan ini menunjukkan bahawa buku-buku rujukan Islam perlu ditambah bagi memenuhi keperluan dan kehendak pelajar yang semakin bertambah. Ini bertepatan dengan kajian yang dijalankan oleh PSZ mendapati masih terdapat bahan dalam bidang tertentu yang tidak terkini serta keperluan bahan dalam bidang tertentu seperti pembinaan, Seni Bina Malaysia, Seni Taman, Agama, Biologi, Motivasi Diri, Kimia Organik/Tak Organik, Keusahawanan, bahan untuk bidang baru dan bacaan ringan seperti novel, komik, *movie* dan sebagainya (<http://portal.psz.utm.my>)

Pernyataan ini dikuatkan lagi dengan pendapat Mohd Yunus Abd Aziz dan Mohamad Khan Hasb Al-Rasul 2003, bahawa rujukan yang terdapat di negara ini masih tidak menyeluruh, pelajar tidak terdedah dengan sumber ilmu Islam dalam pelbagai bidang dan rujukan yang dipakai dalam kuliah hanya terhad kepada satu atau dua kitab sahaja. Antara punca lain adalah kekurangan peruntukan khas atau tambahan

kepada peruntukan buku dan jurnal yang ada membantutkan usaha dan perancangan bagi membangunkan koleksi yang komprehensif, seimbang dan berkualiti (Aripah, 1997:11).

Responden terpaksa menunggu masa yang lama (giliran) untuk mendapat bahan rujukan yang dikehendaki adalah merupakan item 24 dengan keputusan peratus sebanyak 71.4 % bersetuju dengan pernyataan tersebut. Hal ini dikuatkan lagi dengan dapatan kajian pada item 11 yang mencatatkan sebanyak 35.7% kurang bersetuju responden mudah mendapatkan buku rujukan apabila diperlukan. Dapatan ini menunjukkan buku rujukan Islam kurang dan mereka terpaksa menunggu peminjam tersebut memulangkan buku bagi membolehkan mereka pula untuk meminjam.

Seterusnya bagi item 25, mencatat peratus sebanyak 19.0% bersetuju buku-buku rujukan Islam hanya terhad kepada mazhab-mazhab tertentu sahaja. Responden mendapati buku-buku rujukan Islam tidak terbatas kepada satu mazhab tertentu sahaja bahkan meliputi pelbagai aliran mazhab. Ini membolehkan pelajar memahami dengan lebih jelas tentang pegangan aliran-aliran mazhab yang lain.

Analisis bagi item 26 mengenai pernyataan buku-buku rujukan Islam di PSZ adalah bahan lama (klasik). Item ini mencatatkan peratusan sebanyak 66.6% bersetuju dengan pernyataan di atas. Sebahagian buku yang terdapat di perpustakaan tidak bersesuaian dengan perkembangan semasa di samping kelapukan bahan tersebut yang kekuningan dan koyak dan tidak diperbaharui mengikut kesesuaian pembelajaran pelajar.

Sementara itu, bagi item 27 responden bersetuju bahawa buku-buku rujukan bidang Pendidikan Islam kurang dibandingkan dengan bidang Aqidah dan Syariah. Sebanyak 66.6% yang dicatatkan bagi item ini. Walaupun buku rujukan Islam terdiri daripada pelbagai disiplin ilmu, tetapi buku rujukan Pendidikan Islam kurang jika dibandingkan dengan bidang-bidang tersebut. Ini bersesuaian dengan kenyataan Aripah (1997:12) apabila dasar perolehan bahan berubah mengikut keadaan dan maklumat yang sedikit mengenai keperluan maklumat sebenar pengguna diperolehi, ini akan menyumbang kepada ketidakseimbangan koleksi. Keadaan akan lebih meruncing kalau sekiranya pensyarah tidak membantu perpustakaan memilih bahan yang sesuai untuk membangunkan koleksi.

Dapatan berikutnya adalah item 28 mengenai buku rujukan Islam hanya terhad kepada bahan bercetak berbanding bahan elektronik. Iaitu dengan peratusan sebanyak 73.8% bersetuju dengan pernyataan ini. Kebanyakan buku rujukan Islam terdiri daripada bahan bercetak. Ini dikukuhkan lagi dengan dapatan daripada item 15 di mana sebanyak 51.2% kurang bersetuju bahawa perisian dalam bidang Pendidikan Islam boleh di dapati dalam koleksi multimedia.

Ini bertepatan dengan kenyataan fungsi utama perpustakaan adalah untuk memperoleh bahan maklumat dalam pelbagai format sama ada dalam bentuk cetakan mahupun elektronik. Bahan-bahan tersebut perlu disusun atur secara sistematik bagi mewujudkan satu sistem pinjaman pengguna. Aktiviti paling penting ialah penyebaran bahan maklumat tersebut untuk pengetahuan para pengguna (Ramli Abdul Samad, 1994:7)

Seterusnya adalah analisis daripa item 29 yang mencatatkan 26.2% bersetuju dengan pernyataan PSZ hanya menyediakan buku-buku ilmiah atau akademik sahaja. Koleksi bahan yang terdapat di PSZ bukan hanya terdapat dalam bentuk ilmiah sahaja tetapi PSZ juga menyediakan juga bahan bukan ilmiah. Pernyataan ini disangkal oleh pelajar kerana jika dilihat kepada sumber yang terdapat di PSZ ia meliputi pelbagai sumber seperti suratkhbar, majalah, jurnal dan sebagainya.

Shaifol Bhary (2004:25) menyatakan bahawa koleksi utama yang perlu dimiliki oleh sesebuah perpustakaan ialah bahan buku dan bahan bukan buku. Ia juga merupakan sebahagian daripada garis panduan Kod Amalan Jaminan Kualiti Bagi Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia iaitu

sebuah perpustakaan akademik juga mesti menyediakan bahan rujukan berbantuan komputer dan teknologi maklumat

Bagi item 30 adalah mengenai responden mendapatkan buku-buku di rak PSZ dalam tempoh masa yang lama. Item ini mencatatkan peratusan sebanyak 28.6% bersetuju terhadap item di atas. Tempoh pengesanan bahan yang sukar dan memakan masa yang panjang akan membantutkan keinginan pelajar untuk meminjam buku di perpustakaan. Ini bertepatan dengan kenyataan Ramli Abdul Samad (1994:29) bahawa perpustakaan akademik mestilah mempunyai sumber-sumber yang lengkap dan bahan-bahan yang tersusun rapi supaya pencarian bahan tidak menjadi suatu masalah, malah dapat pula menjimatkan masa. Selain itu, perpustakaan wujud sebagai suatu tempat bagi mendapatkan maklumat yang tersusun, lengkap dan pantas (<http://portal.psz.utm.my>).

Secara kesimpulannya, min keseluruhan yang diperolehi ialah 3.45 yang berada di bawah skala sederhana iaitu di antara 2.50 hingga 3.49 sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam jadual 4.42 yang menunjukkan masalah yang di hadapi ketika mendapatkan bahan di perpustakaan. Oleh yang demikian dapat disimpulkan bahawa pelajar SPI ternyata mempunyai berbagai masalah antaranya buku-buku rujukan Islam yang terdapat di PSZ adalah bahan lama (klasik), buku-buku rujukan Islam di PSZ kurang dan perlu ditambah lagi dan bahan rujukan Islam hanya terhad kepada bahan bercetak berbanding bahan bercetak elektronik.

RUMUSAN

Aspek perkhidmatan merupakan kriteria utama bagi menarik minat pelajar ke perpustakaan. Dari analisa kajian penyelidik merumuskan bahawa pelajar SPI berasa selesa berkunjung ke perpustakaan untuk mendapatkan maklumat. Selain itu, pelajar SPI juga menyatakan bahawa mereka mendapat banyak manfaat dari PSZ terutama dalam pembelajaran di UTM dan mereka tidak mempunyai sebarang masalah bertanya kepada pegawai perpustakaan atau pustakawan tentang sebarang masalah yang mereka hadapi. Min keseluruhan yang diperolehi iaitu sebanyak 3.54 yang berada di tahap yang tinggi iaitu 3.50 hingga 5.00 sebagaimana telah dinyatakan dalam jadual 4.40. Ini menunjukkan bahawa responden mempunyai persepsi yang tinggi terhadap perkhidmatan di perpustakaan.

Hasil daripada kajian yang dijalankan di dapati kebanyakan pelajar SPI mengakui bahawa buku-buku rujukan Islam tidak menepati pencarian responden dalam bidang Pengajian Islam. Selain daripada itu, responden mengakui bahawa buku-buku rujukan Islam yang disediakan di PSZ adalah tidak terkini dan tidak memenuhi keperluan pelajar. Min keseluruhan yang diperolehi bagi bahagian ini ialah 3.51 yang berada di bawah skala tinggi iaitu di antara 3.50 hingga 5.00 sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam jadual 4.41. Ini menunjukkan bahawa pelajar SPI mempunyai persepsi yang positif terhadap buku rujukan Islam di perpustakaan.

Pelajar-pelajar SPI mengakui bahawa buku-buku rujukan Islam tidak terhad kepada mazhab-mazhab tertentu sahaja. Antara lain, mereka juga mengakui PSZ tidak hanya menyediakan buku-buku ilmiah atau akademik sahaja. Selain itu, pelajar-pelajar mengatakan bahawa mereka mendapatkan buku-buku di rak PSZ dalam tempoh masa yang lama. Secara kesimpulannya, min keseluruhan yang diperolehi bagi bahagian ini ialah 3.45 yang berada di bawah skala sederhana iaitu di antara 2.50 hingga 3.49 sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam jadual 4.42. Ini menunjukkan bahawa responden memberikan maklum balas sederhana terhadap masalah yang di hadapi ketika mendapatkan bahan.

RUJUKAN

Al-Quran Al-Karim

Ensiklopedia Dunia. (2005). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa.

Abdul Halim bin Abdul Aziz. (1998). *Pendapat dan Sikap Pelajar Sekolah Menengah Seri Tanjong, Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan Terhadap Perpustakaan : Satu Kajian Tinjauan*. Projek Sarjana Muda : Universiti Teknologi Malaysia.

Abdul Hamid Muhammad (2001, 10 November). *Sumber Rujukan Mudahkan Islam Difahami*. Utusan Malaysia Online.

Abdul Razak bin Mustapha. (2006). *Persepsi Pelajar Tahun 2 dan 3 SPI Terhadap Bahan Rujukan di Perpustakaan Sultanah Zanariah dengan Pembelajaran Bahasa Arab*. Projek Sarjana Muda : Universiti Teknologi Malaysia.

Ahmad Termizi Hasan (2001). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Pelajar Khas (Cacat Pendengaran) Dalam Matapelajaran Pendidikan Islam (KBSM) : Satu Kajian Tinjauan di Sekolah Menengah Aminuddin Baki, Johor*. Projek Sarjana Muda : Universiti Teknologi Malaysia.

Atkinson Report. University Grants Committee (1976), *Capital Provision for University Libraries : Report of Working Parties*. London : HMSO.

Chan Sai Noi (2003). *World Library And Information Congress, IFLA General Conference and Council (69th : 2003 : Berlin) : A First-Timer Report Research And Academic Services Division*. University Malaya Library.

Cullen, R and Calvert, P (1996). *New Zealand Universities Libraries Effectiveness Project : Dimension and Concepts Of Organizational Effectiveness*. Library and Information Science Research. 18(2) 99-119.

D.J Grogan (1971). *Scientific and Technical Library and Information Service In Malaysia*. College of Wales : Head of The Department of Bibliographical Studies.

Guru digesa galakkan murid baca buku terkini. (2009, 2 Februari). Utusan Malaysia

Haikal Nor (2001, 19 Julai). *Berilmu Bukan Pada Stiker Kereta*. Utusan Malaysia Online.

Halimah Badioe Zaman (1996). *Pusat Sumber Sekolah, Perancangan dan Rekabentuk*. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Hanafi Mohamad Kamal (1996). *The Library As A Longlife Centre : Curricular Strategies For Resource-Base Learning*. Kuala Lumpur : Tenth Congress Of Southeast Asian Librarians, Volume 2 : 119-129.